

FAKE BRACES



Apa itu Fake Braces ?

**Adakah Fake Braces ini
berbahaya?**

**Adakah pemakaian Fake Braces ini
memberi sebarang kesan pada gigi?**



BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU

Apa itu fake braces?



fake Braces Sebelum dipasang

Fake Braces ialah *Braces* palsu yang dipasang pada gigi yang menyerupai *braces* sebenar (*aplian tetap ortodontik*). Walau bagaimanapun ianya tidak berfungsi seperti aplian tetap ortodontik.



fake Braces Selepas dipasang



Braces

Apa itu Aplian Tetap Ortodontik?

Aplian tetap ortodontik adalah alat-alat yang digunakan untuk rawatan ortodontik. Ianya terdiri daripada '*bracket*' (*pendakap*), wayar dan getah yang dilekatkan pada permukaan gigi.

Aplian tetap ortodontik digunakan oleh pakar ortodontik untuk menggerakkan gigi yang tidak teratur dengan pemeriksaan secara berkala sehingga menjadi susunan yang cantik. Pemeriksaan berkala ini mengambil tempoh biasanya dua setengah hingga ke tiga tahun.



Aplian Tetap Ortodontik

Adakah fake braces ini berbahaya?

Sudah tentu ianya bahaya. Ini kerana isi kandungan *fake braces* ini tidak diketahui samada selamat untuk kesihatan atau tidak. Terdapat laporan mengatakan salah satu bahan yang terkandung di dalam *fake braces* ini adalah plumbum yang berbahaya pada kesihatan.

Selain daripada itu alat-alat yang digunakan untuk pemasangan *fake braces* ini tidak dinyahkuman sebagaimana yang dilakukan di klinik-klinik pergigian ortodontik.


Terdapat dua kematian yang dilaporkan di Thailand yang dipercayai berpunca akibat tertelan *fake braces*



Adakah pemakaian fake braces ini memberi sebarang kesan pada gigi?

Semestinya. Pada permukaan gigi, kesan gam yang dilekatkan boleh menyebabkan gigi terhakis. Karies gigi dan gusi berdarah juga boleh terjadi kerana tiada penerangan untuk penjagaan gigi selepas pemasangan. Tunjuk ajar cara memberus gigi tidak diberitahu kepada para pembeli *fake braces*.

Selain itu, pemasangan *fake braces* boleh menyebabkan pergerakan gigi secara tidak langsung. Walaupun pergerakan gigi ini mungkin tidak banyak, ada juga kes dilaporkan hampir menyebabkan gigi goyang dan hampir tertanggal dari gusi.



KOMPLIKASI **FAKE BRACES**

 Public Health Malaysia